

**ADUAN PEMBACA**

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



# HALAMAN KOTA

## ISU PENCEMARAN AIR DI SUNGAI SEMENYIH

[ FOTO AZHAR RAMLI/BH ]



**Fakta  
nombor**

**30** TAHUN

Taman Naqsyabandiah dibuka, menempatkan lebih 300 penduduk

**Kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat** memeriksa kualiti air di loji milik penduduk Taman Naqsyabandiah, Semenyih, semalam.

# 300 penduduk terpaksa guna air tercemar

# Desak Kerajaan Selangor sediakan kemudahan bekalan bersih

BH  
4/11/16  
MIS-13

Oleh Mohd Azrone Sarabati  
azrone@bh.com.my

## Hulu Langat

Lebih 300 penduduk Taman Naqsyabandiah di Semenyih, dekat sini kecewa apabila permohonan mereka mendapatkan bekalan air sempurna tidak mendapat reaksi positif kerajaan negeri, sekali gus terpaksa terus bergantung kepada sumber air kolam yang dikhuatiri tercemar.

Walaupun kerajaan negeri membina sebuah tangki dengan bekalan sumber itu disalurkan Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) dua tahun lalu, ia gagal berfungsi sehingga penduduk terus menggunakan air kolam diproses di loji per-

sendirian dibina sendiri.

Wakil penduduk, Rosadi Mustapha, berkata mereka sebelum ini memohon peruntukan RM900,000 daripada kerajaan negeri untuk membiayai projek menggantikan jaringan paip sedia ada dari kolam berkenaan, namun tidak menjawab jawapan positif.

Malah, beliau mendakwa, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali juga belum menunaikan janji melawat penempatan berkenaan untuk melihat sendiri susah payah penduduk dalam mendapatkan bekalan air.

“Empat bulan lalu, kami dimaklumkan Menteri Besar akan melawat kawasan ini untuk melihat sendiri sumber bekalan air dari kolam yang diproses di loji persendirian dibina penduduk, namun

sehingga kini beliau tidak berbuat demikian.

“Jangan sehingga ada penduduk dijangkiti penyakit membawa maut baru mahu ambil tindakan,” katanya sambil menambah, mereka bimbang risiko jangkitan penyakit bawaan air seperti kepialu, taun, Hepatitis A dan leptospirosis kerana menggunakan air tercemar sebagai sumber minuman dan memasak.

## Selenggara loji

Penduduk, Mohd Nasir Yahya, 40, yang memaklumkan mereka membelanjakan kira-kira RM4,500 sebulan hasil kutipan daripada penduduk bagi menyelenggara loji berkenaan, berkata sudah tiba masanya kerajaan negeri menyediakan sistem bekalan air bersih yang sempurna ke kawasan itu.

“Loji persendirian mampu membekalkan air 24 jam dengan kapasiti 600 gelen sehari kini semakin usang, mungkin hanya mampu bertahan beberapa bulan lagi. Jika rosak, ambil masa sehingga seminggu dibaik pulih atau diselenggara.

“Kami sangat berharap kerajaan negeri menyediakan bekalan air bersih ke kampung ini bagi memastikan penduduk tidak menggunakan sumber air tercemar,” katanya.

Tinjauan BH mendapati kolam dan air tadahan dari bukit berhampiran yang disalurkan ke tangki khas di kawasan itu memang dalam keadaan keruh.

Beberapa kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat dan Jabatan Alam Sekitar dilihat mengambil sampel air untuk ujian.